

## BAB I

### *MAŞLAHAH DALAM SYARIAT ISLAM*

## 1.1 PENDAHULUAN

Pada dasarnya para ulamak bersepakat bahawa hukum-hukum dalam syariat Islam pada asasnya bersifat umum dengan memberikan sepenuh kebebasan kepada manusia samada ingin melakukan atau meninggalkan sesuatu tindakannya, biarpun perkara yang akan dilakukan itu haram ataupun makruh. Namun dalam perlaksanaan hukum-hukum yang terdapat dalam syariat Islam itu terdapat di sana matlamat dan maksud tertentu yang dapat dikenal pasti dan difahami oleh akal manusia secara logik di sebalik perlaksanaan hukuman tersebut dan ada yang – semata-mata ta’at kepada perintah Allah swt.

Pada dasarnya ulamak hanya akan menentukan hukum berdasarkan kepada prinsip maṣlahah apabila hukum yang hendak dicapai mempunyai kepentingannya kepada umat. Dengan perkataan lain yang menjadi dasar pertimbangan ialah terpeliharanya kemaslahatan dan kepentingan umat sebagai tujuan syariat yang juga dalam istilah *Uṣūl Fiqh* disebut *maqāsid al-syarī‘ah* atau *maqāsid al-Syārī*<sup>1</sup>.

*Maqāsid* adalah bentuk *jama‘* dari *maqsid*, ertinya tujuan, kehendak atau rahsia. Untuk menjelaskan tentang tujuan dan rahsia syariat, para ulamak *Uṣūl Fiqh* sering menggunakan bentul jamak, iaitu *maqāsid al-syarī‘ah* untuk menjelaskan tentang tujuan dan rahsia syariat itu. Kata *maqāsid* kadang-kadang digabungkan dengan *al-syarī‘ah* (syariat) dan kadaang-kadang digabungkan

<sup>1</sup> Husayn Ḥāmid Ḥasan (1994M), *Nazariyyah al-Maṣlaḥah Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, hlm. 242; Abū Iṣhāq al-Syātibī (1399H/1979M), *al-Muwāfaqāt*, cet. 1, Lubnan: Dār al-Ma’rifah, hlm. 207.

dengan *al-Syāri'* (Pembuat syariat, Tuhan) dengan maksud dan pengertian yang sama<sup>2</sup>.

Dari itu menurut ‘Abd al-Wahhāb Khallāf,

والمقصد العام للشرع من تشرعيه الأحكام هو تحقيق مصالح الناس بكفالته  
ضرورياً لهم وتوفير حاجياتهم وتحسينياتهم

“Tujuan umum bagi *Syāri'* daripada pensyariatanNya terhadap hukum-hukum adalah untuk mencapai kemaslahatan-kemaslahatan (*maṣāliḥ*) manusia dengan jaminan terhadap *darūriyyah* mereka, dan memenuhi *hājiyyah* mereka mahupun *taḥṣīniyyah* mereka”<sup>3</sup>.

Pengamatan melalui definisi di atas dapat difahami bahawa tujuan syariat Islam adalah untuk memandu manusia kepada suatu bentuk kehidupan yang bahagia yang bukan sekadar di dunia sahaja malah kebahagiaan di akhirat. Bagi memastikan kemaslahatan-kemaslahatan manusia itu tercapai, maka syariat yang berupa hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah swt dipatuhi dan ditaati supaya realisasi kepada kelangsungan *darūriyyah*, *hājiyyah* dan *taḥṣīniyyah* berlaku di dalam diri masyarakat . Kemaslahatan yang dimaksudkan dalam Islam itu ialah kemaslahatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

al-Syātibī juga ada menyebut:

“ Pembentukan syariat-syariat atau hukum-hukum semata-mata dimaksudkan untuk kemaslahatan hamba di dunia dan di akhirat sekaligus”<sup>4</sup>.

<sup>2</sup> al-Syātibī (1399H/1979M), *Muwāfaqāt*, op.cit., Juz 2, hlm. 2-3; Wahbah al-Zuhaylī (1979M). *Nazariyyah al-Darūrah al-Syar'iyyah Muqāranah Ma'a al-Qānūn al-Wad'ī*, cet. 2, Dār al-Hijrah, hlm. 49-50.

<sup>3</sup> ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (1981M), *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, 14<sup>th</sup> ed., Dār al-Qalam, hlm. 135.

<sup>4</sup> al-Syātibī (1399H/1979M), op.cit., hlm. 3.

Apabila kajian difokuskan kepada sumber utama dalam syariat Islam iaitu *al-Qur'an* dan al-Sunnah, kedapatan di sana banyak keterangan-keterangan yang menunjukkan bahawa syariat Allah swt. diturunkan untuk menjaga kepentingan manusia termasuk juga ibadat yang dikerjakan yang juga bersifat menjaga kemaslahatan manusia, walhal ketaatan, kekufuran dan kesyukuran manusia itu kesemuanya tidak memberi apa-apa mudarat ataupun manfaat bagi Allah swt<sup>5</sup>.

Firman Allah swt:

وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يُشْكِرُ لِنَفْسِهِ ، وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبَّهُ غَنِيٌّ كَرِيمٌ

Terjemahannya:

“ Dan barangsiapa yang bersyukur maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri dan barangsiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia”

Surah al-Naml ( 27 ) : 40

Kedapatan juga dalam *al-Qur'an*. firman Allah swt yang menggambarkan Rasulullah saw. sebagai rahmat kepada alam ini. Fiman Allah swt:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ

Terjemahannya:

“ Dan tidak kami utuskan kamu (wahai Muhammad ) melainkan sebagai rahmat kepada seluruh alam”

Surah al-Anbiyā' ( 21 ) : 107

<sup>5</sup> Yusuf al-Qaradawi, *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 57-58.

Begini juga keterangan mengenai *al-Qur'an* itu sendiri sebagai penawar, petunjuk serta rahmat bagi sekalian mukmin. Firman Allah swt:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم مَوْعِظَةً مِنْ رَبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًىٰ وَرَحْمَةً  
لِلْمُؤْمِنِينَ

Terjemahannya:

“ Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman”

Surah Yunus ( 10 ) : 57.

Kesemua nas-nas *al-Qur'an* di atas menggambarkan kepada manusia bahawa pensyariatan hukum terhadap manusia itu bertujuan untuk kemaslahatan manusia dan rahmat kepada mereka.

Dalam menetapkan hukum-hukum syariat, Islam sangat menekankan pada dasar pemeliharaan kemaslahatan-kemaslahatan manusia selama hidup dan setelah mati. Allah s.w.t. dalam mengutuskan para RasulNya, berfirman:

رسلا مبشرين ومنذرين ثلا يكون للناس على الله حجة بعد الرسل

Terjemahannya:

“(Mereka Kami utuskan ) selaku rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar tidak ada alasan bagi manusia untuk membantah sesudah diutuskanNya rasul-rasul itu)

Surah al-Nisa' ( 3 ) : 165

Allah s.w.t. sendiri dalam beberapa hal juga menyebutkan 'illah ( sebab atau alasan ) ditetapkan suatu hukum. Allah s.w.t. ketika mensyariatkan rukhsah (keringanan ) tayammum sesudah ayat wuduk, sebagaimana firmanNya:

ما يرید اللہ لیجعل علیکم من حرج ولكن یرید لیطہر کم ولیتم نعمتہ علیکم  
لعلکم تشکرون

Terjemahannya:

“ Allah tidak bermaksud menyulitkan kamu, tetapi Dia bermaksud membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmatNya bagimu supaya kamu bersyukur”

Surah al-Mā''idah ( 5 ) : 6

Tentang puasa, Allah s.w.t. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتُبْ عَلَيْكُم الصِّيَامُ كَمَا كُتُبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahannya:

“ Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa”

Surah al-Baqarah ( 1 ) : 183

Tentang salat, Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهِيٌ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Terjemahannya:

“Sesungguhnya salat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar”

Surah al-'Ankabūt ( 29 ) : 45

Tentang jihad, disebutkan dalam firman Allah s.w.t. :

أذن للذين يقاتلون بأفم ظلموا

Terjemahannya:

“Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya”

Surah al-Hajj ( 22 ) : 39

Tentang *qisāṣ* (hukuman balas) disebutkan dalam firman Allah s.w.t.:

ولكم في القصاص حياة يا أولى الألباب

Terjemahannya:

“Dan dalam *qisāṣ* itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu hai orang-orang yang berakal”

Surah al-Baqarah (1) : 179

Dalam rangka memelihara maṣlahah manusia, Islam mensyariatkan setiap hukum yang dapat merealisasikan kemaslahatan manusia itu. Bagi memastikan jaminan inilah maka Islam misalnya membenarkan pinjam wang dengan suatu jangka waktu yang disepakati. Dari itu, di dalam urusan yang berkaitan dengan kemaslahatan manusia ini, Islam akan selalu membuat pantauan dan pemerhatian kepada faktor kemajuan dan sebarang perubahan bentuk maṣlahah itu agar ia akan terus terpelihara, dan demikianlah peruntukan dalam Islam mengenai hal ini sehingga akan di sana kedapatan suatu kaedah yang berbunyi:

Terjemahannya:

“Tidak boleh disangkal berlaku perubahan hukum dengan sebab perubahan masa”<sup>6</sup>

Hukum-hukum yang boleh berubah kerana perubahan masa itu, menurut Wahbah al-Zuhaylī, adalah hukum-hukum ijtihad yang didasarkan kepada maṣlahah yang sifatnya sementara dan mempertimbangkan ‘urf masyarakat<sup>7</sup>.

## 1.2 DEFINISI AL-MAṢLAḤAH

### 1.2.1 AL-MAṢLAḤAH DARI SUDUT BAHASA

*Maṣlaḥah* adalah kata arab yang sudah menjadi kata nama dalam Bahasa Malaysia yang membawa pengertian sesuatu yang berfaedah (berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah<sup>8</sup>, atau sesuatu yang dilakukan oleh seseorang di atas kerja yang menghasilkan manfa’at baginya atau terhadap yang lain<sup>9</sup>.

---

<sup>6</sup> al-Zuhaylī (1979M). *Nazariyyah*, op.cit., hlm.52.

<sup>7</sup> *ibid.*, hlm. 52.

<sup>8</sup> Hajah Noresah Bt Baharom, *et.al* (1994), *Kamus Dewan*, Edisi 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 864.

<sup>9</sup> Luis Ma'luf al-Yasū'i, (1987), *al-Munjid fī al-Lughah wal al-A'lām*, cet. 17, Beirut: Dār al-Syūrūq, hlm. 432.

Biar apa pun keadaannya, apabila ditinjau dari sudut pengertian ini jelaslah bahawa maksud kepada *maṣlaḥah* ini ialah lawan kepada kerosakan (*mafsadah*) dan kedua pengertian di atas tidak dapat dihimpunkan<sup>10</sup>. Dari itu pada hakikatnya *maṣlaḥah* itu seumpama manfa‘at dan bukannya membawa kepada manfa‘at sepertimana definasi sebelumnya kerana *maṣlaḥah* itu sendiri adalah manfa‘at, sama ada ia kata nama satu (*maṣlaḥah*) dari kata nama banyak (*maṣāliḥ*) atau kata terbitan bererti kebaikan<sup>11</sup>.

### 1.2.2 *AL-MAṢLAHAH DARI ISTILAH SYARAK*

Adapun pengertian *maṣlaḥah* dari sudut istilah syarak sebagaimana perbahasan yang telah dilakukan oleh kalangan ulamak usul terdapat di sana terdapat pentafsiran yang berbeza dari sudut pemerhatian takrif *maṣlaḥah* itu sendiri. Ada antara mereka yang melihat *maṣlaḥah* itu sebab kepada manfa‘at, dan ada juga yang melihat bahawa *maṣlaḥah* itu sendiri adalah yang menyebabkan sebab itu berlaku.

Di sini, penulis telah memilih beberapa pandangan para ulamak untuk mencari pengertian *maṣlaḥah* ini:

i. Pandangan al-Khawārizmī

<sup>10</sup> al-Fairuzābādī (1996M/1416H) , *Qāmūs al-Muhiṭ*, Cet. 5, Beirut: Muassasah al-Risālah, hlm. 391.

<sup>11</sup> Yūsuf Ḥāmid al-‘Ālim (1994M), *al-Maqāṣid al-‘Āmah li al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, cet.2, Beirut: al-Dār al-‘Ālamiyah li al-Kitāb al-Islāmī, hlm 133.

*Maṣlaḥah* itu ialah pemeliharaan terhadap tujuan syarak dengan menolak kerosakan atau bahaya<sup>12</sup>.

## ii. Pandangan al-Būṭī

Menurut al-Būṭī , *maṣlaḥah* ialah manfa‘at yang ingin disampaikan oleh *syāri‘* Yang Maha Bijaksana kepada hambaNya dalam bentuk pemeliharaan agama, jiwa, keturunan, akal dan harta mereka sesuai dengan urusan manfa‘at yang telah dijelaskanNya<sup>13</sup>.

## iii. Pandangan al-Ghazālī

Pada al-Ghazālī pula, *maṣlaḥah* pada asalnya ialah ibarat yang menunjukkan kepada sesuatu yang membawa kepada manfa‘at atau menolak kepada kemudaratan. Lantaran itu beliau menjelaskan lagi

“ Dan bukanlah yang kami maksudkan dengan maṣlahah itu sekadar membawa manfa‘at dan menghindar kemudaratan untuk mencapai kehendak makhluk dan kebaikan yang akan diperolehi oleh makhluk untuk tujuan mereka, akan tetapi yang kami maksudkan ialah *maṣlaḥah* yang memelihara maksud syarak iaitu memelihara lima perkara iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta”<sup>14</sup>

<sup>12</sup> Muḥammad bin ‘Ali bin Muḥammad al-Syawkāni (1937M), *Irsyād al-Fuhūl*, Kaherah: Muṣṭafā al-Ḥalabī, hlm. 242.

<sup>13</sup> Sa‘id Ramadān al-Būṭī (1992M/1412H), *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah Fi al-Syāri‘ah al-Islāmiyyah*, cet. 7, Beirut: Dār al-Muttaḥidah, hlm. 23.

<sup>14</sup> Abū Ḥāmid bin Muḥammad al-Ghazālī (1414H), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Juz. 4, Kaherah: Dār al-Qāherah, hlm 120.

#### iv. Pandangan 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām

Keterangan mengenai *al-maṣlahah* menurut al-'Izz dapat diperhatikan dalam banyak tempat dalam kitabnya *Qawā'id al-Aḥkām*, di sana beliau menyatakan:

"*al-Maṣlahah* terbahagi kepada empat jenis iaitu kelazatan dan sebab-sebabnya, kegembiraan dan sebab-sebabnya. Manakala *al-mafāsid* pula terdapat empat jenis iaitu kesakit dan sebab-sebabnya serta kesedihan dan sebab-sebabnya. Seterusnya *al-maṣlahah* akan membicarakan tentang *al-Maṣāliḥ* dan *al-mafāsid* dengan kebaikan dan kejahanan, manfaat dan kemudarat, kebagusan dan kejahanan. Ini kerana seluruh *al-maṣlahah* adalah kebaikan yang mendatangkan manfaat dan keelokan, manakala *al-mafāsid* pula kejahanan yang memudaratkan serta buruk, sebagaimana kebiasaannya dalam al-Qur'an dengan penggunaan kebaikan dalam *al-Maṣāliḥ* dan keburukan dalam *al-mafāsid*".<sup>15</sup>

#### v. Pandangan Muḥammad Salām Madkūr

Demikian juga menurut Muḥammad Salām Madkūr yang beliau menyatakan *al-maṣlahah* ialah mendapatkan kebaikan dan menolak mudarat dengan tujuan memelihara maksud syarak<sup>16</sup>.

#### vi. Pandangan Najm al-Dīn al-Ṭūfī

*al-Maṣlahah* ialah sebab-sebab yang membawa kepada tercapainya maksud syara',<sup>17</sup>.

<sup>15</sup> 'Izz al-Dīn 'Abd al-Salām (1979M), *Qawā'id al-Aḥkām Fī Maṣāliḥ al-Anām*, Jld. 1, Kaherah: al-Kuliyyah al-Azhar, hlm. 12.

<sup>16</sup> Muḥammad Salām Madkūr (1976), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, cet. 1, Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, hlm. 173.

## vii. Pandangan Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān

*al-Maṣlahah* ini ialah mendapatkan manfa'at dan menolak kemudaratan. Dari segi perbuatan positif ialah mendapatkan manfa'at dan dari segi negetif ialah menolak kemudaratan. Oleh sebab itulah beliau menyatakan bahawa *al-maṣlahah* ini ialah menolak kemudaratan dahulu kemudian barulah mendapat manfa'at<sup>18</sup>.

Pada asasnya *al-maṣlahah* adalah pernyataan yang menggambarkan tentang sesuatu yang mendatangkan manfaat atau menolak kemudaratan seperti yang dijelaskan oleh al-Ghazālī. Oleh yang demikian, penulis ingin merumuskan bahawa *al-maṣlahah* ialah sesuatu yang membawa kepada terpeliharanya kehendak *al-Syāri'* (Allah) dengan terhindarnya kerosakan (*al-mafāsid*) makhluk.

Kesemua pendapat di atas pada dasarnya dipersetujui dan disepakati oleh ulamak *uṣūl al-fiqh*, termasuklah 'Alī Ḥasaballāh<sup>19</sup>, Zakariyyā al-Birrī<sup>20</sup>, dan ulamak *uṣūl al-fiqh* yang lain.

---

<sup>17</sup> Al-Syawkānī (1937M), *op.cit*, hlm. 278.

<sup>18</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān (1987M), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, cet. 2, Baghdad: Muassasah al-Risālah, hlm. 236.

<sup>19</sup> 'Alī Ḥasaballāh (1963M), *Uṣūl al-Tasyrī' al-Islāmī*, cet. 3, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, hlm. 161.

<sup>20</sup> Zakariyyā al-Birrī (t.t), *al-Adillah al-Syar'iyyah Wa al-Qawā'id al-Uṣūliyyah wa al-Fiqhīyyah*, Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, hlm. 130.

## 1.3 PEMBAHAGIAN AL-MAŞĀLIH MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

*Al-Maşālih* adalah ketentuan *Syāri'* (Allah) yang diperuntukkan untuk kehidupan manusia yang apabila diperhatikan dari segi kekuatannya dapatlah pecahkan kepada tiga bahagian, iaitu *darūriyyah*, *hājiyyah* dan *tahsīniyyah*<sup>21</sup>.

Ketiga pecahan tersebut adalah unsur yang mempunyai perkaitan rapat dengan manusia dari sudut perasaan (*al-hissī*) dan pemerhatian pancaindera (*al-musyāhadah*). Perkaitan tiga unsur di atas dengan perasaan dan pemerhatian pancaindera manusia dapat dibuktikan melalui situasi kehidupan manusia yang mana *al-darurī* adalah umpama tempat tinggal manusia yang dapat menyelamatkan manusia daripada panas dan hujan. *al-Hājiyyah* pula adalah tempat kediaman yang dilengkapi dengan keperluan sebuah tempat kediaman seperti tingkap yang dapat dibuka dan ditutup mengikut keperluan manusia. Manakala *al-tahsīniyyah* pula ialah proses mencantikkan tempat kediaman itu sehingga manusia yang mendiami rumah tersebut akan berasa tenang dan selesa dengannya sehingga *maşlahah* atau kebaikan tempat kediaman itu dapat dirasai. Begitu juga kepentingan makanan, pakaian dan segala keperluan hidup manusia yang akan memberikan kebaikan terhadap kehidupan manusia yang juga akan mengutamakan tiga unsur tersebut<sup>22</sup>.

---

<sup>21</sup> Muhammad Salām Madkūr, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, op.cit, hlm. 175.

### 1.3.1 *MAŞLAHAH DARŪRIYYAH*

*Maşlahah Darūriyyah* merupakan tindakan yang dilakukan oleh manusia bertujuan untuk memelihara tujuan syarak yang lima iaitu: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kenyataan ini seiring dengan apa diperkatakan oleh al-Syātibī:

“Adapun *al-darūriyyah* bermaksud, bahawa adalah ia mesti ada dalam pembinaan *maşlahah* agama dan dunia, dengan sekira-kira ketiadaannya menyebabkan tidak berlaku keterusan terhadap *maşlahah* dunia bahkan membawa kebinasaan dalam kehidupan dan gagal mendapatkan keselamatan dan nikmat di akhirat serta kembali dengan kerugian yang nyata. Dan kesemua *al-darūriyyah* yang diwujudkan oleh *Syārī'* adalah penjagaan terhadap: Agama, nyawa, keturunan, harta dan akal”<sup>23</sup>

Lima aspek ini amat penting untuk membolehkan kehidupan manusia berjalan dengan baik. Andainya lima aspek itu tidak sempurna walaupun satu daripadanya, maka kehidupan manusia akan menjadi kucar-kacir<sup>24</sup>.

Menurut Wahbah al-Zuhaylī, *al-darūriyyah* dalam Islam, dipelihara dari dua segi iaitu segi realisasi dan kewujudannya, dan keduanya segi pemeliharaan dan kesuciannya<sup>25</sup>.

<sup>22</sup> 'Abd al-Wahhāb Khallāf (1981M), *op.cit*, hlm. 199.

<sup>23</sup> Abū Ishaq al-Syātibī (1994M), *al-Muwāfaqāt*, jld.1, Lubnan: Dār al-Ma'rifah, hlm.243.

<sup>24</sup> Muhammad Taqī al-Hākim (t.t), *al-Uṣūl al-'Āmmah li Fiqh al-Muqārin*, Turki: Dār Andalus, hal.283.

i. **Realisasi Agama:** adalah dengan cara melaksanakan rukun-rukun Islam yang lima, sedang pemeliharaannya adalah dengan cara memerangi orang-orang yang bermaksud menghancurkan agama dan dengan menghukum orang yang murtad atau orang yang memusuhi secara terang-terangan atau secara sembunyi-sembunyi seperti golongan *zindiq*.

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا أَهْمَمُ الْعِلْمَ  
بَعْدَمَا يَعْلَمُونَ وَمَنْ يَكْفُرُ بِآيَاتِ اللَّهِ فَأَنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Terjemahannya:

“Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberikan al-kitāb kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, kerana akedengkian (yang ada) di antara mereka. Barangsiapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allāh maka sesungguhnya Allāh sangat cepat hisab-Nya”

Surah Āli ‘Imrān ( 2 ) : 19

ii. **Realisasi Jiwa:** manusia adalah makhluk Allah swt. yang terwujud dan dilahir melalui proses perkahwinan. Proses kejadian ini menjamin kepada kelangsungan zuriat dan keturunan yang akan dipastikan nilai dan keselamatan kesucian jiwnya. Pemeliharaan kesucian jiwa itu akan dipastikan melalui penguatkuasan hukum terhadap pembunuhan, iaitu hukuman *qīṣāṣ*, kerana hidup seseorang dapat mengakibatkan hilangnya kesejahteraan manusia dan mengakibatkan permusuhan dan penentangan.

---

<sup>25</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1979M), *Nazariyyah al-Darūrah al-Syar‘iyah Muqāranah Ma‘a al-Qānūn al-Wad‘i*, op.cit., hlm. 52-53

Firman Allah s.w.t:

وَأَنفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تَلْقَوْا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلِكَةِ وَاحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahannya:

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”

Surah al-Baqarah ( 1 ) : 195

- iii. **Realisasi Akal** yang dianugerahkan kepada manusia terpelihara dengan membolehkan segala yang dapat menjamin kesihatan dan keselamatannya dan pengharaman segala yang menyakitinya atau melemahkan kekuatannya seperti minum arak, kerana akal merupakan sumber kebaikan dan kemanfaatan bagi umat manusia.
  
- iv. **Realisasi Keturunan** yang disyariatkan dengan menghalalkan hubungan intim dengan perempuan melalui cara yang telah disyariatkan. Bagi memastikan terhadap pemeliharaan keturunan ini, ditetapkan hukum-hukum seratus kali sebatan bagi zina yang dilakukan oleh orang yang belum kahwin dan 80 kali sebatan bagi tuduhan zina (*qadhaf*), kerana keselamatan keturunan dan terpeliharanya kemuliaaan keturunan itu adalah faktor yang menyebabkan masyarakat menjadi kuat, tertib dan teratur, terhindar dari perpeahan, dengki dan iri hati.

Firman Allah s.w.t:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفهَاءِ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَاماً وَأَرْزَقُوهُمْ فِيهَا وَأَكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ  
قُولًا مَعْرُوفًا

Terjemahannya:

“Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang dalam kekuasaan mu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik”

Surah al-Nisa' ( 3 ) : 5

v. **Realisasi Harta**, disyariatkan untuk mengadakannya dengan berusaha mencari rezeki dan melakukan muamalah dengan sesama manusia. Bagi memastikan pemeliharaan ini, ditetapkan hukuman pencurian dengan potong tangan lengkap dengan syarat-syaratnya. Begitu pula diharamkan menipu, merampas dan riba, serta wajib menanggung barang yang rosak, kerana harta merupakan dasar kehidupan dan sumber kekuatan peribadi.

Berpandukan kepada penjelasan di atas, penulis merasakan bahawa Islam sangat memperhatikan *maṣlahah ḥarūriyyah* manusia dan mensyariatkan hukum-hukum untuk menjamin *maṣlahah ḥarūriyyah* itu dengan mewujudkan dan memeliharanya. Pemeliharaan terhadap *maṣlahah ḥarūriyyah* itu, menurut 'Abd al-Wahhāb Khallāf, adalah merupakan jaminan yang membolehkan seseorang itu melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang, kerana darurat atau sangat terpaksa<sup>26</sup>.

<sup>26</sup> 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *op.cit.*, hlm. 201.

### **1.3.2 MAŞLAHAH HĀJIYYAH**

*Maşālih hājiyyah* ialah sesuatu yang diperlukan oleh manusia untuk menghilangkan kesukaran dan kesulitan dari mereka. Tanpanya manusia akan mengalami kesukaran dan kesulitan, tetapi tidak sampai membahayakan atau merusakkan kehidupan mereka<sup>27</sup>. *Maşlaḥah hājiyyah* manusia dalam pengertian ini, menurut ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, merujuk kepada tujuan menghilangkan kesukaran dari manusia dan meringankan beban mereka<sup>28</sup>.

Menurut Wahbah al-Zuhaylī, seluruh perundangan-perundangan Islam, bila diperhatikan sebenarnya kelihatan sekali di dalamnya unsur-unsur yang bertujuan untuk menghilangkan kesukaran<sup>29</sup>.

Allah mensyariatkan *maşlaḥah hājiyyah* ini kepada manusia pada bidang-bidang yang berkaitan dengan ibadah, adat, *mu’āmalah* dan jenayah<sup>30</sup>.

Demikianlah, pada sesuatu yang berhubung dengan:

- i. **Agama** atau **ibadah**, disyariatkan *rukhsah-rukhsah* yang meringankan, seperti boleh mengucapkan kata kufur ketika sangat terpaksa. Boleh berbuka

---

<sup>27</sup> ‘Alī Ḥasaballāh, *Uṣūl al-Tasyrī’ al-Islāmī*, *op.cit.* hlm. 235.

<sup>28</sup> ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *op.cit.*, hlm. 200.

<sup>29</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, hlm. 53-54.

<sup>30</sup> Husayn Ḥāmid Ḥasan, *op.cit.*, hlm. 29.

puasa pada bulan *Ramadān* bagi orang sakit atau musafir, seperti mana firman Allah s.w.t.

شهر رمضان الذي انزل فيه القرآن و هدى للناس وبينان من الهدى و الفرقان  
فمن شهد منكم الشهر فليصمه ومن كان مريضاً أو على سفر فعدة من أيام آخر  
يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر ولتكلموا العدة ولتكبروا الله على ما  
هذاكم ولعلكم تشكرون.

Terjemahannya:

“(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan *Ramadān*, bulan yang di dalamnya diturunkan *al-Qur'an* sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeza (antara yang hak dan yang batil). Kerana itu barang siapa antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalmu) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan barang siapa yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagi mu, dan tidak menghendaki kesukaran bagi mu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjukNya yang diberikan kepada mu, supaya kamu bersyukur”

Surah al-Baqarah (1) : 185

Begitu juga boleh memendekkan (*qasar*) solat yang empat raka'at menjadi dua rakaat ketika dalam perjalanan. Gugurnya kewajipan solat atas perempuan yang sedang mengalami haid dan nifas. Boleh menyapu kedua kasut baik dalam keadaan bermukim maupun dalam musafir.

ii. **Jiwa** atau **adat** : Pada sesuatu yang berhubung dengan jiwa atau adat manusia, dibolehkan berburu dan bergembira menikmati rezeki yang baik di dalam bentuk minuman dan makanan yang lazat, pakaian dan tempat kediaman. Sedangkan dalam masalah ‘*uqūbah* atau keseksaan, Islam memberi kepada waris mangsa hak bunuh balas (*qīṣāṣ*) dan bantu membantu di antara keluarga

pembunuhan dengan menanggung diat dan disyariatkan penolakan hukuman hudud dengan sebab keraguan atau *syubhah*.

iii. **Harta atau *mu'amalah*:** Pada sesuatu yang berhubung dengan harta atau *mu'amalah*, dituntut untuk menambah dan mengembangkan harta dan memeliharanya dari kerosakan dan sia-sia, kerana harta merupakan kekuatan umat seluruhnya. Demikian juga disyariatkan beberapa 'aqd (akad, perikatan) yang mencakupi di dalamnya tasarruf (pengelolaan) sesuatu yang tidak wujud seperti perikatan pesanan ('aqd *al-salām*), sewa menyewa, *al-musāqah* (sistem bagi hasil perkebunan) dan lain-lain. Sedangkan perikatan-perikatan lainnya seperti jual beli, Islam telah mengaturnya atas dasar keadilan dan kerelaan.

iv. **Keturunan :** Pada sesuatu yang berhubung dengan keturunan disyaratkan pada akad nikah beberapa syarat seperti adanya dua orang saksi yang adil, dan pemberian mahar agar masyarakat terpelihara dari penyakit dan bahaya zina. Begitu pula dibolehkan talak dalam keadaan darurat supaya perkahwinan itu suci dan berdasarkan cinta, kasih sayang dan tolong-menolong serta menjadi sumber kebahagiaan, kesejahteraan dan ketenangan.

Dari contoh-contoh itulah para *ulamā'* *uṣūl fiqh* menarik kesimpulan bahawa hukum Islam mengutamakan kemudahan dan kelapangan serta menolak kesukaran dan kesulitan. Menifestasi dari penelitian induksi terhadap masalah *ḥājiyyah* itu pula para ahli fiqh menarik suatu kaedah dalam masalah itu, iaitu kaedah yang berbunyi:

Terjemahannya :

“Kesukaran itu memberi kemudahan”<sup>31</sup>

### 1.3.3 *MAŞLAHAH TAHSİNİYYAH*

*Maşlahah tahsiniyyah* ialah segala yang dikehendaki oleh ketinggian dan kemuliaan akhlak atau yang diperlukan oleh adat-adat yang baik<sup>32</sup>. *Maşlahah tahsiniyyah* juga ialah *maşlahah* yang bersifat menyempurnakan wujudnya maşlahah yang akan memberi kesenangan dan kemudahan kepada manusia<sup>33</sup>.

Pada dasarnya, *maşlahah tahsiniyyah* adalah perlu dalam kehidupan manusia, namun ketiadaannya tidaklah menyebabkan kemusnahan dan kesukaran kepada kehidupan manusia. Kesan kepada ketiadaan maşlahah ini, manusia akan berada dalam kebencian dan cemuhan masyarakat yang punya fikiran waras dan punya perilaku yang baik.

---

<sup>31</sup> 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *op.cit.*, hlm. 209.

<sup>32</sup> 'Alī Ḥasaballāh, *loc.cit.*, 235.

<sup>33</sup> Yūsuf Karīm (1985M), *Uṣūl al-Aḥkām al-Syar'iyyah*, Mesir: Dār an-Nahdah al-'Arabiyyah, hlm. 168.

*Maṣlahah taḥṣīniyyah* ini bolehlah dirumpunkan dalam aspek *makārim al-akhlāq* (مكارم الأخلاق) atau ketinggian moral, sehingga *maṣlahah* ini menjadikan kehidupan manusia berada dalam keadaan yang lebih baik<sup>34</sup>.

Menurut al-Zuhaylī, di dalam *al-taḥṣīniyyah* itu mencakupi masalah-masalah yang bersangkutan dengan ibadah, *mu'āmalah*, adat dan 'uqbāt (hukuman-hukuman)<sup>35</sup>.

- i. **Bidang 'Ibādāt** : Dalam masalah 'ibadah, untuk solat disyariatkan dasar atau asas kesucian serta pemeliharaan kebersihan, dan menutup aurat. Dalam masalah sosial kemanusiaan, disyariatkan dasar *al-taqarrub* (pendekatan diri) kepada Allah s.w.t. dengan perbuatan-perbuatan sunat seperti sedekah dan kurban. Pada masalah kekeluargaan, dibuat ketentuan-ketentuan mengenai *kafā'ah* (kesesuaian, kesetaraan) dalam mencari pasangan dan adab bergaul antara keduanya.
- ii. **Bidang mu'āmalāt** : Pada muamalah, dilarang jual beli benda-benda najis dan benda-benda kotor yang dapat mengganggu kesihatan umum dan kesihatan individu. Begitu juga hal-hal yang bersangkutan dengan hajat

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, hlm.189.

<sup>35</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, hlm.53-54.

hidup masyarakat manusia yang dijadikan milik bersama seperti air, minyak dan barang-barang tambang lainnya.

- iii. **Bidang adat:** Pada masalah adat yang berhubung dengan urusan keduniaan, ditentukan adab makan dan minum dan diharamkan makanan-makanan yang bernajis dan minuman-minuman yang kotor. Dilarang berlebih-lebihan (berpoya-poya) dan bersikap kikir, serta dituntut untuk berlaku ramah dan berbuat baik serta berlaku adil.
- iv. **Bidang ‘uqūbah :** Pada masalah ‘uqūbah , dilarang berlaku kejam pada pembunuhan sebagai *qiṣāṣ* antara sesama muslim atau berlaku kejam dalam peperangan melawan musuh. Diharamkan membunuh wanita, kanak-kanak dan pemuka agama yang tidak terlibat dalam perang.

Pada dasarnya, *maṣlahah taḥṣīniyyah* ini adalah satu cara menentukan sesuatu hukum yang disandarkan kepada firman Allah s.w.t.

فَلَمْ يَرْجِعُ مِنْ حَرَمٍ زِينَةً اللَّهُ الَّتِي أَخْرَجَ لِعَبَادِهِ وَالظَّبَابَاتِ مِنَ الرِّزْقِ فَلَمْ يَرْجِعْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا  
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نَفْسُكَ لَنَفْسِكَ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Terjemahannya:

“Katakanlah: siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya dan (siapa pulakah yang mengharamkan) rezeki yang baik? Katakanlah: Semuanya itu (disediakan) bagi orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia,

khusus (untuk mereka sahaja) di hari akhirat. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi orang-orang yang mengetahui”

Surah al-A'raf ( 7 ): 32

Dariuraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa tujuan pensyariatan hukum-hukum itu seluruhnya menyentuh urusan-urusan agama dan urusan-urusan dunia, iaitu semua mengarah kepada pembentukan akhlak individu yang sempurna yang dapat mengatur manusia agar menjadi anggota masyarakat yang berguna.

Dalam rangka meraih tujuan itu dan untuk mendapatkan kebenaran serta menolak kezaliman, maka hukum-hukum *maṣlaḥah* dalam fiqh Islam menurut Wahbah al-Zuhaylī, mempunyai dua pertimbangan: Pertimbangan pengadilan dan pertimbangan agama. Hakim memutuskan perkara atas suatu perbuatan sesuai dengan kenyataan zahir. Adapun aspek agama, perkara itu diputuskan berdasarkan kebenaran yang sebenarnya<sup>36</sup>. Berasaskan kepada kenyataan itu, maka hakim tidak boleh menghalalkan yang haram pada sesuatu kebenaran yang bersumber dari hukum-hukum pengadilan untuk menyelesaikan perselisihan dan permusuhan sesama manusia.

Hukum-hukum *mu'amalāt* dalam fiqh Islam mempunyai dua sisi pandangan yang dapat disimpulkan melalui ḥadith Nabi s.a.w. yang berbunyi:

<sup>36</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *op.cit.*, hlm.55.

إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ، وَأَنْكُمْ تَخْصِصُونَ إِلَيَّ، وَلَعِلَّ بَعْضَكُمْ أَنْجَنَ بِعْثَتَهُ مِنْ بَعْضٍ فَأَقْضِي  
بِنَحْوِ مَا أَسْعَى، فَمَنْ قُضِيَتْ لَهُ مِنْ حَقٍّ أَخْيَهُ شَيْئًا فَلَا يَأْخُذُهُ فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ قَطْعَةً مِنْ  
النَّارِ

Terjemahannya:

“ Saya hanyalah seorang manusia. Dan kamu membawa pertikaian kepadaku. Mungkin sebahagian kamu lebih pandai dalam mengemukakan alasan daripada yang lain, maka aku memutuskan perkara sesuai dengan apa yang aku dengar. Maka barangsiapa yang aku tetapkan sesuatu kepadanya dari hak saudaranya, janganlah ia mengambilnya kerana hal itu bererti sama dengan aku memberikan kepadanya sepotong api neraka”

(Riwayat al-Jamā‘ah daripada Ummu Salāmah r.a)<sup>37</sup>

Perbahasan yang lalu mengenalpasti bahawa *maṣlahah* manusia atau *maqāsid al-syarī‘ah* dapat dibahagikan kepada tiga tingkatan, iaitu *darūriyyah*, *ḥājiyyah* dan *taḥsīniyyah*. Pembahagian ini didasarkan kepada urutan pentingnya maṣlahah-maṣlahah tersebut. *Maṣlahah darūriyyah* merupakan *maqāsid syarī‘ah* yang paling utama kerana apabila maṣlahah ini tidak tercapai, akan mengakibatkan hancurnya sendi kehidupan dan terjadi pertembungan antara manusia serta hilangnya *maṣlahah* mereka. Kemudian diikuti oleh *maṣlahah ḥājiyyah* yang merupakan urutan kedua, kerana apabila *maṣlahah* ini tidak tercapai dapat menjerumuskan manusia ke dalam kesukaran dan kesulitan sehingga menimbulkan beban yang memberati mereka. Manakala *taḥsīniyyah* pula berada pada kedudukannya yang ketiga atau terakhir, kerana menifistasi kepada kegagalan mencapai matlamatnya tidak memberi kesan kepada sendi

<sup>37</sup> Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Syawkānī (t.t), *Nayl al-Awqār*, Jld. 8, Mesir: Maktabah al-Da’wah al-Islāmiyyah, hlm.278.

kehidupan atau tidak menjerumuskan manusia kepada kesulitan, akan tetapi menjelaskan kesempurnaan dan kurang terpelihara maruahnya.

Berdasarkan kepada urutan atau peringkat *maṣlahah* di atas, maka hukum-hukum syarak yang disyariatkan untuk memelihara *maṣlahah darūriyyah* adalah hukum-hukum yang paling penting dan harus dijadikan keutamaan (*prioriti*). Kemudian disusuli dengan hukum-hukum yang disyariatkan untuk memenuhi *maṣlahah hājiyyah*, manakala hukum-hukum yang disyariatkan untuk *taḥsīniyyah* dipandang sebagai penyempurna bagi hukum-hukum yang disyariatkan untuk *hājiyyah*. Begitu juga hukum-hukum yang disyariatkan untuk *hājiyyah* dipandang sebagai pelengkap bagi hukum-hukum yang disyariatkan untuk memelihara *darūriyyah*.

Dengan kata lain, hukum *taḥsīniyyah* tidak perlu dipertahankan apabila dengan mempertahankannya mengakibatkan hancurnya hukum *darūriyyah* atau *hājiyyah*, kerana pelengkap tidak perlu dipertahankan apabila dengan mempertahankannya akan mengakibatkan musnahnya apa yang ingin disempurnakan. Oleh kerana itu dibolehkan membuka aurat apabila diperlukan dalam proses pengubatan, kerana menutup aurat merupakan *taḥsīniyyah* sedangkan pengubatan adalah *darūriyyah*. Demikian juga halnya menggunakan najis yang menjadi *waṣīlah* (perantaraan) utama kepada proses perubatan. Meskipun mengelakkan penggunaannya merupakan *taḥsīniyyah* kepada manusia, namun pengobatan itu adalah sesuatu yang lebih dititik beratkan dan dianggap *darūriyyah*. Begitu juga dibolehkan *bai' al-ma'dūm* (jual beli yang tidak ada

barang pada waktu terjadinya transaksi), pada jual beli pesanan dan dibolehkan *muzāra'at* (sistem bagi hasil pertanian sawah), *musāqāt* (sistem bagi hasil perkebunan), dan *bai' al-ghāib* (jual beli barang yang tidak dilihat), kerana mencapai keperluan manusia itu *tahsīniyyah* tidak perlu dipertahankan.

Hukum *ḥājiyyah* juga tidak perlu dipertahankan apabila dengan mempertahankannya mengakibatkan hancurnya hukum *darūriyyah*. Dari itu perbuatan-perbuatan fardu dan wajib adalah dua istilah yang berbeza menurut sebahagian ulamak. Istilah wajib menurut jumhur ulamak mempunyai pengertian yang sama dengan istilah fardhu, iaitu sesuatu yang diberi pahala bagi yang mengerjakannya dan diseksa bagi yang meninggalkannya. Sedangkan para ulamak Hanafī membezakannya antara satu dengan yang lain. Fardhu menurut mereka adalah sesuatu yang ditetapkan dengan dalil yang *qat'i* dan tiada *syubhah* padanya, seperti hukum Islam yang lima yang ditetapkan melalui *al-Qur'an* atau yang ditetapkan melalui *al-Sunnah al-Mutawātirah* seperti membaca *al-Qur'an* dalam solat. Adapun wajib menurut mereka, adalah sesuatu yang ditetapkan melalui dalil yang *zanni*, seperti zakat dan solat witir<sup>38</sup>. Oleh kerana itu perbuatan fardhu dan wajib, wajib dilaksanakan oleh para mukallaf dalam keadaan tidak diberikan rukhsah kepada mereka meskipun beban itu memberatkannya, kerana setiap *taklīf* (pembebanan) selalu mengandungi beban dan kesukaran. Sekiranya tetap dipertahankan perinsip bahawa mukallaf tidak boleh mendapatkan kesukaran maka banyak hukum *darūriyyah* akan gagal untuk

<sup>38</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1969M), *al-Wāṣīṭ fī Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, cet. 2, Damsyik: Maṭba'ah al-Islāmiyyah, hlm. 45.

dilaksanakan seperti ibadah, uqubah dan lain-lain. Sedangkan kesukaran itu adalah jalan pemeliharaan *darūriyyah* bagi setiap mukallaf.

Adapun hukum-hukum *darūriyyah* wajib dipertahankan dan jauh dari dirosakkan dengan salah satu dari hukum-hukumnya kecuali apabila dipertahankan sesuatu *darūriyyah* mengakibatkan lenyapnya *darūriyyah* yang lebih utama daripadanya seperti jihad. Berjihad itu adalah wajib meskipun mengorbankan jiwa, kerana memelihara agama itu adalah lebih utama daripada memelihara jiwa. Begitu juga dibenarkan meminum arak (*khamar*) ketika dalam situasi terpaksa kerana memelihara jiwa adalah lebih utama daripada memelihara akal.

#### **1.4 PEMBAHAGIAN *AL-MAŞLAHAH* MENURUT PERSPEKTIF SYARAK.**

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, bahawa matlamat syariat Islam dalam penentuan sesuatu hukum itu adalah untuk merealisasikan kebaikan terhadap manusia dan menghindarkan kerosakan. Iaitu menentukan sesuatu pekerjaan yang dilakukan akan menghasilkan kebaikan (*maşlahah*) atau menghindarkan kerosakan iaitu mengilak dari kebinasaan. Dari itu, para ahli usul telah membahagikan *maşlahah* ini kepada tiga bahagian<sup>39</sup>. iaitu: *Maşlahah*

<sup>39</sup> Muḥammad Zakariyya al-Bardīṣī (1969M), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah, Dār an-Nahdah al-‘Arabiyyah, hlm. 21.

*Mu'tabarah* yang kewujudannya bersandarkan kepada pembuktian, *mashlahah mulghā* yang kedapatan di sana bukti terpembatalannya dan akhirnya *mashlahah mursalah* yang tiada dapat dibuktikan dengan dalil perkiraannya dan juga tiada bukti terhadap pembatalannya.

#### 1.4.1 *Mashlahah Mu'tabarah*

*Mashlahah mu'tabarah* ialah *mashlahah* yang diiktiraf oleh syarak dan ada nas-nas yang menyokong<sup>40</sup>. Jika tiada nas yang menentang ataupun menyokongnya, maka *mashlahah* ini tidak dinamakan *mashlahah mu'tabarah*.

Contoh-contoh untuk *mashlahah* ini ialah pensyariatan jihad untuk memelihara kesucian agama Islam, pensyariatan *qisās* untuk memelihara diri dan nyawa, pensyariatan 'iddah untuk mengelakkan percampuran zuriat, pensyariatan zakat untuk memelihara hubungan kemanusiaan dan sebagainya.

Semua *mashlahah* ini mempunyai sandaran nas-nas syarak khusus sama ada secara langsung ataupun bersandarkan kepada *qiyās*<sup>41</sup>. Dari itu, asas bagi *mashlahah mu'tabarah* ini ialah wujudnya nas syarak iaitu *al-Qur'an*, *al-Hadīth*, *Ijma'* dan *Qiyās*.

<sup>40</sup>) Muhammad Salām Madkūr (1976M), *op.cit* , hal. 185.

<sup>41</sup>) *Ibid*, hlm. 237.

#### 1.4.2 *Maṣlahah Mulghā*

*Maṣlahah Mulghā* ialah *maṣlahah* yang tidak diterima oleh syarak sebagai maṣlahah atau tidak memenuhi kriteria *maṣlahah*<sup>42</sup>, meskipun manusia mengira bahawa ia sebagai *maṣlahah* dan memberi manfaat kepada orang-orang tertentu<sup>43</sup>.

Penolakan terhadap penentuan dan penetapan maṣlahah ini ialah kerana wujudnya nas syarak yang bertentangan diterima sebagai *maṣlahah*<sup>44</sup>.

Sebagai menjelaskan kepada kenyataan di atas, dinyatakan beberapa contoh:

Pertama: Pendapat yang menyatakan pembahagian anak lelaki dan perempuan adalah sama sahaja dari segi pembahagian pusaka atas dasar maṣlahah iaitu keadilan. Sedangkan di sana tiada nas syarak yang menyokong kepada perlaksanaan pendapat di atas bahkan wujud nas syarak yang bertentangan dengan *maṣlahah* sebagaimana yang difirmankan Allah swt

يوصيكم الله في أولادكم للذكر مثل حظ الانثيين فان كن نساء فوق اثنتين فلهن ثلثا ما ترك وان كانت واحدة فلها النصف ولابويه لكل واحد منها السادس مما ترك ان كان له ولد فان لم يكن له ولد وورثه أبواه فالأمه الثالث فان كان له اخوة

<sup>42</sup> Yūsuf Karīm (1985), *op.cit*, hlm. 191.

<sup>43</sup> *Ibid.* hlm. 191.

<sup>44</sup> Badrān Abu al-Aynayn Badrān (t.t), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Iskandariyyah, Muassasah al-Syabāb, hlm 209.

فَلَأْمَهُ السَّدِسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَةٍ يَوْصِي بِهَا أُوْدِينَ إِبَّا زَكْرَمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيْهُمْ  
أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِ حَكِيمًا

Terjemahannya:

“Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu. Iaitu: bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua anak perempuan; jika anak itu semua perempuan lebih dari dua, maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan; jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka ia memperolehi separuh harta.. Dan untuk kedua ibu bapa, bagi masing-masingnya seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak: jika yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu bapanya (sahaja), maka ibunya mendapat sepertiga; jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam. (Pembahagian-pembahagian tersebut di atas) sesudah dipenuhi wasiat yang yang ia buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya.(Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

Surah al-Nisa' ( 3 ) :11

Kedua: Fatwa yang dikeluarkan oleh Imām al-Laith (pengikut Imām Mālik) yang didasarkan kepada maṣlahah, iaitu kaffārah puasa dua bulan berturut-turut sebagai ganti kepada memerdekaan hamba bagi seorang raja yang telah menyebuhi isterinya di siang hari dalam bulan Ramaḍān sedangkan ia berpuasa. Hukum puasa dua bulan berturut-turut adalah ganti bagi memerdekaan hamba. Hukuman itu difikirkan mampu untuk menginsafkan raja tersebut terhadap perbuatan yang dilakukan berbanding memerdekaan seorang hamba, kerana bagi seorang raja hukuman itu adalah mudah baginya.

Penolakan terhadap fatwa Imām al-Laith di atas apabila dilihat pada kerangka kehidupan manusia tidaklah boleh dianggap sebagai memberi *maṣlaḥah* kepada hamba apabila dilihat kepada *maṣlaḥah* yang lebih besar.

#### 1.4.3 *Maṣlaḥah Mursalah*

*Mursalah* ertinya terlepas bebas, tidak terikat dengan dalil agama (*al-Qur'an* atau *al-Hadīth*) yang membolehkan atau melarangnya<sup>45</sup>. *Maṣāliḥ* ini juga disebut sebagai *al-Istidlāl al-Mursal*<sup>46</sup>.

*Maṣlaḥah mursalah* ini salah satu kaedah penetapan hukum syara' yang muncul semasa pemerintahan kerajaan Abbāsiyyah setelah kemunculan *istihsān*, berperanan sebagai dalil syarak yang tersendiri,<sup>47</sup> Oleh kerana memelihara keperluan asas dan menghindarkan kesempitan itu menjadi tujuan syariat, maka *maṣlaḥah mursalah* termasuk tujuan syariat secara umum. Maka setiap yang dapat memelihara dan mewujudkan tujuan tersebut boleh dilakukan sejauhmana tidak bertentangan dengan petunjuk-petunjuk al-Qur'an<sup>48</sup>.

<sup>45</sup> Muṣṭafā Sa'īd al-Khin (1972M), *Athār al-Ikhtilaf Fī al-Qawa'id al-Uṣūliyyah Fi Ikhtilāf al-Fuqahā'*, Beirut: Muassasah al-Risālah, hlm.552.

<sup>46</sup> Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (1992M/1412H), *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah Fī al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*, Cet.4, Beirut: Muassasah al-Risālah, hlm.287.

<sup>47</sup> Sūfi Ḥasan Abū Ṭālib (1995M), *Taṣbīq al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah Fī al-Bilād al-'Arabiyyah*, cet.4, Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, hlm.186.

<sup>48</sup> Sayyid Muḥammad Mūsā Tiwānī (t.t), *al-Ijtihād*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, hlm.100.

*Maṣāliḥ* dalam bentuk ini walaupun tiada nas yang jelas menunjukkan kepadanya tetapi secara umum nas mengakui yang ianya adalah sebagai *al-Maṣāliḥ*, begitu juga dalam suasan semasa yang mengiktirafnya<sup>49</sup>.

Hukum yang ditentukan dengan *istiṣlāh* adalah seperti pembukuan *al-Qur'an* dalam satu *muṣhaf* yang dilakukan oleh ‘Uthmān Ibn ‘Affān, khalīfah yang ketiga. Hal itu tidak dijelaskan oleh nas dan ijmak melainkan didasarkan atas *maṣlahah* yang sejalan dengan kehendak syarak untuk mencegah kemungkinan timbulnya perselisihan umat tentang al-*Qur'ān*<sup>50</sup>.

---

<sup>49</sup> Abd al-Wahhāb Khallāf, *op.cit*, hlm. 85.

<sup>50</sup> Abd al-'Azīz Ibn 'Abd al-Rahmān Ibn 'Alī al-Rabī'ah (1979M), *Adillah al-Tasyri' al-Mukhtalaf Fī al-Iḥtijāj Biha*, Beirut: Muassasah al-Risālah, hlm.222.